

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (52)

4 Mac 2024
23 Syaaban 1445H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.9/2024 PENJENAMAAN DAN PENSTRUKTURAN ORGANISASI SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN (SPACE UTM)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah UTMSPACE Bil. 1/2024 bertarikh 29 Januari 2024 dan Mesyuarat Senat Bil. 04/2023/2024 bertarikh 31 Januari 2024 telah meluluskan Tadbir Urus Entiti Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (SPACE UTM) sebagai Entiti Akademik Bertaraf Sekolah.

2. Semakan semula tadbir urus ini adalah untuk menambahbaik keperluan organisasi sebagai entiti akademik universiti dan entiti bisnes universiti agar bersesuaian dengan hala tuju universiti.

3. Selain itu, tadbir urus baharu ini akan turut melibatkan perkara berikut:

- a. Penjenamaan jawatan Pengerusi kepada Dekan dan Timbalan Pengerusi kepada Timbalan Dekan;
- b. Pewujudan jawatan Penolong Dekan dan Timbalan Pendaftar;

4. Sehubungan dengan itu, struktur organisasi baharu Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (SPACE UTM) boleh didapati melalui laman web <https://space.utm.my/wp-content/uploads/2024/02/NEW-SPACE-UTM-struktur-organisasi-jan24.pdf> yang berkuat kuasa pada **1 Februari 2024**. Semua staf adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah